

16 JUN 1999

Mahathir-Kejutan

BIAR KEJUTAN TINGGAL KEJUTAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus membisu mengenai "elemen kejutan" yang beliau dijangka umumkan semasa perhimpunan agung Umno yang bermula di sini esok.

"Jika saya memberitahu anda sekarang maka ia bukan lagi kejutan," kata beliau kepada pemberita apabila ditanya mengenai kenyataan beliau baru-baru ini yang akan ada elemen kejutan dalam ucapannya di perhimpunan empat hari itu.

Dr Mahathir yang juga presiden Umno berkata demikian di sidang berita selepas majlis taklimat presiden menjelang perhimpunan agung Umno ke 53.

Apabila ditanya lagi sama ada kejutan itu adalah berkenaan pilihan raya, Dr Mahathir berkata: "Itu juga boleh jadi kejutan. Tiada kejutan juga nanti akan menjadi kejutan."

Mengenai spekulasi yang bekas presiden Parti Melayu Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah akan dilantik sebagai ketua Umno Kelantan, Dr Mahathir berkata: "Apa sahaja mungkin dalam Umno."

"Politik ialah seni bagi yang mungkin dan tidak mungkin," kata beliau.

Ditanya sama ada beliau menafikan spekulasi itu, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak menafikan apa-apa tetapi anda boleh buat spekulasi."

Perdana Menteri juga ditanya mengenai impak pada Umno yang disebabkan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kini menjalani hukuman penjara 6 tahun kerana menyalahgunakan kuasa.

Menjawab soalan yang dikemukakan oleh pemberita asing itu, Dr Mahathir berkata rakyat secara amnya telah hilang minat pada Anwar.

Beliau berkata sehinggalah PAS dalam muktamarnya baru-baru ini tidak menyatakan apa-apa mengenai Anwar.

"Tiada apa yang dikatakan mengenai kes beliau, penangkapannya atau perkara-perkara beliau," katanya.

Dr Mahathir berkata, isu Anwar kini telah menjadi "sejarah yang akan dilupakan mengikut peredaran masa."

Perdana Menteri memberitahu wartawan asing itu yang Malaysia mempunyai "sistem keadilan dan perundangan yang baik."

Anwar kini dibicarakan kerana kesalahan meliwat bersama adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitat Madja seorang ahli perniagaan.

Anwar, 51, dan Sukma, 38, dituduh melakukan persetubuhan di luar tabii bersama Azizan Abu Bakar di unit no. 10-7-2, Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam Mei 1992.

Menjawab satu lagi soalan oleh pemberita yang sama mengenai faktor-faktor penentu dalam mengadakan pilihan raya, Dr Mahathir berkata: "Kita mengambil kira semua faktor termasuk pendapat tempatan, pendapat asing, semuanya."

-- BERNAMA

ES PR